

Majlis Peguam, Suhakam Disaran Bubar Kalau Hanya Jadi Perkakas Pembangkang Bernama
4 Januari , 2012

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- UMNO Bahagian Cheras hari ini mempersoalkan pendirian Majlis Peguam dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) yang membisu berhubung kedegilan pakatan pembangkang untuk mengadakan perhimpunan haram 9 Januari ini.

Ketuanya Datuk Wira Syed Ali Al-Habshee mendakwa sikap itu jelas menunjukkan kedua-dua badan itu turut bersekongkol dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menggunakan demonstrasi jalanan untuk membersihkan dirinya yang didakwa meliwat.

"Sebagai pengamal undang-undang, saya nak tanya mereka (Majlis Peguam dan peguam bela Anwar) apakah perbuatan kumpulan pro-Anwar itu betul dan masuk akal.

"Kalau setakat mahu jadi perkakas pembangkang untuk mengecam kerajaan, adalah lebih baik kedua-dua (Majlis Peguam dan Suhakam) dibubarkan," katanya dalam entri terbaru Umnocheras.blogspot.com di sini hari ini.

Pada 9 Januari ini mahkamah akan membuat keputusan sama ada Anwar yang juga Ketua Pembangkang, yang didakwa meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan bersalah atau tidak.

Beliau turut mempersoalkan sama ada barisan peguam bela Anwar turut merestui gerakan tidak bertamadun itu yang jelas melanggar undang-undang sedia ada.

Syed Ali berkata sikap dwistandard Majlis Peguam dan Suhakam telah mengakis keyakinan orang ramai terhadap fungsi dan peranan sebenar badan berkenaan.

Beliau juga mengecam keras sikap pemimpin PAS yang kononnya digelar ulama tetapi tidak berani menjelaskan kepada umum sama ada perhimpunan haram digalakkan oleh ajaran Islam.

Syed Ali berkata Anwar seperti sudah dapat menjangkakan bahawa beliau akan disabitkan bersalah sehingga terpaksa mengerah seluruh penyokongnya termasuk daripada DAP dan PAS supaya berhimpun pada hari tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau sekali lagi mendesak Kementerian Dalam Negeri (KDN) supaya segera mengambil tindakan undang-undang terhadap pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang cuba menganjur perhimpunan haram 9 Jan itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=637881>

